

BAB : 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 PENDAHULUAN

Penyelidik telah membuat tinjauan perpustakaan untuk mendapatkan penjelasan tentang estetika keindahan bahasa dan pengertian puisi yang merangkumi diksi, simile serta metafora dalam puisi. Kajian perpustakaan ini akan meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Keindahan Bahasa dalam Antologi Puisi Tamil Malaysia dari tahun 1971 hingga 2000.


2.1 DEFINISI PUISI

Puisi merujuk kepada susunan ayat yang menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah. Puisi merupakan satu cabang kesenian manusia yang disulam dalam seni lain seperti drama puisi atau lirik.

Istilah puisi berasal dari bahasa Yunani dan digunakan dengan makna yang ada konotasi tempatnya. Dalam bahasa Yunani '*poiesis*' bererti penciptaan. Mengikut Muhammad Haji Salleh (1984:2), istilah puisi menjadi rumit pada hari ini dan digunakan dengan makna konotasi setempat. Semasa membicarakan definisi puisi secara menyeluruh beliau menyatakan puisi sebagai genre kesusasteraan yang menggunakan unsur-unsur bahasa seperti rima, irama, personifikasi, diksi dan metafora

yang tepat untuk mempertengahan isi hati seorang penyair. Mengikuti beliau, sebuah puisi yang baik menarik penghayatan pembaca dengan teliti serta menggunakan unsur-unsur yang berirama.

Muhammad Haji Saleh (1984) menyatakan terdapat tiga aspek sebagai komponen utama dalam sebuah puisi, yaitu bentuk, bahasa dan tema :



Dharmawijaya (1998:3) pula menyatakan bahawa puisi diterima sebagai bentuk karya yang paling unggul dan bentuknya bukan sahaja digunakan untuk penulisan karya-karya agung tetapi puisi mempunyai kaitan erat dengan kehidupan harian masyarakat. Justeru itu, mengikut beliau puisi membawa kesan mendalam terhadap pembentukan jiwa sesuatu masyarakat. Beliau menyatakan kedudukan pantun yang merangkumi kehalusan jiwa dan ketinggian akal budi penciptanya sebagai bukti kepada pernyataan ini. Beliau menyokong pendirian R.O.Winstedt yang menyatakan.....,

“.....tidak ada siapa pun dapat mengukur ‘keluasan pemikiran’ orang Melayu tanpa memahami pantunnya. Bagi orang asing pula, jika belum mengenal pantun, boleh dianggap orang itu belum lagi mengenal jiwa dan jalan fikiran orang Melayu yang sebenar.....”

R.O.Winstedt (1961):

Lim Swee Tin (2002:65) turut membicarakan definisi di atas secara mendalam dengan berpandukan kepada pandangan Henry Guntar Tarigan (1985). Beliau menyatakan bahawa definisi puisi bukan hanya tersempit dengan takrifan penciptaan sahaja kerana ruang lingkupnya amat luas. Mengikut Lim Swee Tin, peredaran zaman telah merapatkan jurang puisi sehingga ruang lingkupnya diluaskan dan dikenali sebagai 'hasil seni sastera'. Perubahan berlaku di mana kata-kata disusun menurut syarat-syarat tertentu dengan menggunakan irama dan kadang-kadang dengan kata-kata kiasan. Beliau menambah bahawa, dunia puisi begitu luas dan mempunyai pengucapan yang unik serta mempunyai kesan yang mendalam. Beliau merumus bahawa, puisi tidak boleh didefinisikan dengan makna yang tunggal sahaja memandangkan maknanya begitu luas.

Sarjana-sarjana barat dan timur yang mengkaji kesusasteraan memberikan maksud yang berbeza-beza di antara satu sama lain dalam mendefinisikan makna puisi. Dante (1995) seorang pengkaji bahasa telah mendefinikan puisi sebagai :

‘.....things that are true expressed in word that are beautiful....’

Dalam pernyataan ini, Dante menegaskan bahawa puisi merupakan luahan perasaan sejati dengan kata-kata indah.

Semasa membicarakan definisi puisi, Za'ba (1965:28) mengemukakan pandangan yang sama dengan sarjana barat ini. Za'ba menyatakan bahawa puisi digunakan untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Jika diperluaskan perbincangan Za'ba

dapat dirumuskan bahawa keindahan bahasa merupakan komponen penting dalam pembentukan puisi. Za'ba menyatakan keindahan bahasa merangkumi diksi yang tepat, metafora, ilusi, imej, perlambangan dan sebagainya unsur yang penting dalam puisi. Pengertian luas beliau membuktikan akan kepentingan komponen-komponan tersebut dalam menyampaikan tema dan mesej kepada pembaca.

Semasa membicarakan struktur puisi, Za'ba mengistilahkan struktur puisi sebagai :

“ puisi adalah karangan berangkap yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan serta kecantikan bahasa sebagai karangan berangkap. Puisi itu disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat. Di antara sekerat dengan sekerat biasanya berjodoh bunyi atau rentak atau isinya serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan tertentu.”

Za'ba (1965)

Dalam pendefinisian ini, Za'ba menekankan bahawa bahasa dalam puisi adalah amat penting dan menonjolkan nilai puisi yang tinggi. Dalam pembicaraan ini, Za'ba, menggariskan bahawa puisi harus mempunyai unsur-unsur puisi yang tepat untuk menyampaikan fikiran (isi dan tema) yang mendalam kepada pembaca. Secara ringkasnya, Za'ba merumuskan bahawa puisi seharusnya mempunyai bahasa yang tepat, segar dan penuh kehalusan dalam penyampaian hasrat seorang penyajak. Pengistilahan Za'ba mengenai puisi ini, bukan sahaja menekankan puisi sebagai genre abstrak (keindahan dan kemanisan) malah, ia juga perlu bersifat struktur sebagai dasarnya.

Wordsworth (1961), juga mempunyai pandangan yang sama dengan Za'ba. Wordsworth menganggap puisi sebagai suatu pengucapan tentang perasaan ghairah yang imaginatif. Beliau menegaskan bahawa puisi menjadi curahan perasaan yang berentak. Puisi diilhamkan secara spontan dan diimbas kembali dalam suasana tenang.

Pendapat ini disokong oleh S.T.Coleridge (1995). Beliau mendefinisikan puisi sebagai ;

“ the best words in their best order.”

Pandangan S.T.Coleridge yang menyatakan puisi sebagai perkataan terbaik dalam susunan terbaik ini seiring dengan pendapat Za'ba yang menyatakan puisi sebagai lafazan fikiran dalam bahasa yang indah.

Semasa membincangkan pandangan S.T.Coleridge ini, Rahman Shaari (2004:10), membicarakan bahawa, pendefinisian S.T.Coleridge ini, tidak harus diambil mudah kerana ia mengandungi amaran. Sekali pada tatapan, pendefinisian ini memberi pengertian bahawa semua yang berangkap-rangkap boleh menjadi puisi. Jika ini menjadi benar iklan yang sering disampaikan secara berangkap pun boleh menjadi puisi. Beliau menerangkan bahawa, semua kata yang tersedia dalam bahasa adalah 'kata-kata terbaik'. Tiada kata terbaik dan kurang baik. Maka beliau menekankan bahawa pengertian S.T.Coleridge lebih kepada susunan kata dalam baris tertentu. Mengikutnya, definisi S.T.Coleridge, nampaknya tidak membahagikan kata-kata dan susunannya kepada dua bahagian yang berasingan. Beliau merumuskan bahawa, setiap puisi yang baik harus mempunyai kalimat atau baris yang berkesan.

Semasa membicarakan penghasilan puisi pula, Rahman Shaari (2004:11)), merumus bahawa, puisi merupakan seni berbahasa yang tertinggi dan bahasa menjadi alat penciptaannya. Oleh yang demikian beliau menegaskan seorang pencipta puisi seharusnya menguasai bahasa yang digunakannya. Penguasaan kemahiran kesusasteraan bukan kriteria utama untuk menghasilkan hasil sastera yang bermutu, malah ia merujuk kepada penguasaan bahasa penghasilnya. Beliau menerangkan, orang yang mahir berbahasa tidak tentu mahir bersastera, tetapi orang yang mahir bersastera seharusnya mahir berbahasa.

H.B.Jassin (1968) pula membicarakan bahawa kelahiran sebuah puisi dengan adalah hasil daripada adunan perasaan dan imaginasi yang terbentuk dalam jiwa penyair. H.B.Jassin menambah bahawa, puisi merupakan pengucapan dengan perasaan yang di dalamnya mengandungi fikiran dan tanggapan penyair. Di dalam pendefinisian ini H.B.Jassin, menyatakan bahawa ‘perasaan’ adalah satu-satunya ciri yang utama dalam puisi. Mengikut beliau, bahasa yang digunakan dalam puisi akan mempengaruhi perasaan pembaca terhadap isi kandungan puisi. Tambah beliau, tanggapan yang ditimbulkan oleh bahasa puisi akan dihubungkan dengan fikiran (isi dan tema) yang terangkum dalam sesebuah puisi.

2.1.1 DEFINISI PUISI DARI PERSPEKTIF BAHASA TAMIL

Dalam konteks Bahasa Tamil, pendefinisian mengenai puisi telah lama diutarakan oleh sarjana-sarjana sastera. Tholkappiyar, (karyawan agung yang

menghasilkan karya agung *Tholkappiyam*) dalam epik *Tholkappiyam* (Karya tatabahasa unggul Bahasa Tamil) telah menggariskan ciri-ciri puisi secara terperinci. Di samping memberi panduan membina sesuatu karya kesusasteraan, Tholkappiyar menyenaraikan intipati sesebuah puisi secara mendalam melalui *Cu:thiram* (puisi berbentuk mantera).

Bahasa Tamil – BT :

khj;jpiu vOj;jpay; mirtif vdhm>
 ahj;j rPNu mb ahg;G vdhm>
 kuNg J}f;Nf njhiltif vdhm>
 Nehf;Nf ghNt mstpay; vdhmj;>

 nghUe;jf; \$wpa vl;nlhLk; njhif,
 ey;ypirg; Gytu; nra;As; cWg;ngd
 ty;ypjpw; \$wp tFj;Jiuj; jdNu.

(njhy;-nghUs;:1259)

Transliterasi – TR :

Ma:tirai ezuttiyal asaivagai eNa:
 Ya:tta: si:re: adi ya:ppu eNa:
 Marabe: tu:kke: todaivagai eNa:
 No:kke: pa:ve: aLaviyal eNaat

 Poruntak ku:Ria ettodum togaii
 Nallisai pulavar seiyuL uRuppeNa
 vallitiR ku:Ri vakut taNare:

(*Tholkappiyam – poruL : 1259*)

Dalam *cu:thiram* ini, segala aspek puisi telah diterangkan secara terperinci dan mendalam. Beliau menerangkan, tentang struktur puisi, teknik puisi, kepelbagai jenis puisi dan prinsip yang harus menjadi pegangan penyair semasa pembinaan puisi.

Tholkappiyar menyatakan bahawa puisi Tamil harus mempunyai 34 komponen sebagai dasarnya. Puisi yang dicipta mesti mengambilkira 10 dasar sebagai asas pembinaannya.

Di antaranya :

- a. Menstruktur sukukata mengikut bunyi sebuah kata dalam puisi dengan sesuai iaitu *nhe:r asai* dan *nhiraiyasai*.
- b. Membentuk kata mengikut prinsip yang tertentu mengikut jenis puisi yang dihasilkan. Contoh *enci:r viruttam* (puisi yang mempunyai 8 diksi dalam satu bait).
- c. Membina bait dengan struktur yang tepat.
- d. Menggunakan *today* (kata pengikat) yang sesuai semasa pembinaan bait puisi.
- e. Menggunakan nilai-nilai estetika yang sesuai

Pavananthi Munivar, seorang lagi Sarjana Agung Tamil dalam karyanya, *NaNNu:l* (Karya Nahu Tamil yang mengatur tatabahasa dan rukun Bahasa Tamil), mentakrifkan bahawa *seiyuL* (puisi lama) dapat menerangkan makna simile dengan jitu, jika simile digunakan dengan tepat :

Bahasa Tamil – BT : gy;tifj; jhJtpd; capu;f;(F) cly; Nghy;>
gy nrhy;yhy; nghUl;(F) ,ldhf
czu;tpdpy; ty;Nyhu;
mzpngwr; nra;td nra;As;

Transliterasi – TR : Palvakai ta:thuviN uyirkku udal po:l
Pala colla:l porudku idaNu:ka
unnarviNil valo:r
anipeRac cyivaNa ceyyuL

Mengikut Pavananthi Munivar, puisi seakan-akan sama dengan tubuh manusia. Mengikut beliau, tubuh manusia merupakan tempat kandungan segala organ, kulit,

darah, daging serta tulang rusuk seorang manusia. Begitulah juga sebuah puisi yang menjadi khazanah kata-kata yang mempunyai makna konotasi yang tersendiri. Beliau menambah puisi hanya diukir oleh cendekiawan yang dapat meluahkan perasaan dengan jitu melalui kata-kata.

Vivikkananthan (1998:12), mendefinisikan sajak sebagai luahan hati seorang penyair dengan kata-kata indah dan benar. Mengikut beliau, puisi yang berjaya ialah puisi yang dapat menyampaikan hasrat hati penyair secara sempurna dalam jiwa pembaca. Beliau menambah, puisi merupakan luahan perasaan secara semulajadi bukan rekaan semata-mata. Beliau membuktikan pandangannya dengan membicarakan puisi Suthananda Barathi yang berikut:

Bahasa Tamil – BT : Nrapd; ,seifiag; NghNy vOk;

nrq;fjppud; jq;f nthsp NghNy

jhpd; Kiyg;ghiyg;NghNy - nghq;fp

jhdha; tUNj ftpij

Transliterasi – TR : ce:yiN iLanakayaip po:le ezum

cengkatirin tangka oLi po:le:

ta:yin mulaippa:laip po:le:

ta:Na:i varuvate kavitai

Dalam puisi ini, Suthananda Barathi membandingkan puisi dengan kejadian-kejadian semula jadi di alam nyata ini. Beliau menyatakan bahawa, puisi adalah sama seperti senyuman semula jadi seorang bayi, pancaran indah matahari dan susu ibu yang mencurah. Ketiga-ketiga kejadian di atas merupakan kejadian semulajadi di alam yang nyata ini, bukan kejadian rekaan. Kelahiran puisi juga mempunyai sifat yang sama iaitu

kelahiran secara spontan yang lahir dari perasaan dan nalurinya. Vivikkananthan menyokong pendefinisian ini dengan menyatakan, penyair harus melahirkan puisi dengan penghayatan sebenar terhadap apa yang dialaminya melalui kata-kata yang indah dan mudah.

Semasa membicarakan definisi puisi secara mendalam, Vivikkananthan merujuk kepada pandangan Methew Arnald yang menyatakan :

*“Poetry is at bottom a criticism of life.
The substance and matter of the best poetry
acquire their special character from possessing
in an eminent degree truth and seriousness”*

Dalam pendefinisian ini, Methew Arnald menyatakan dasar puisi ialah pengajian kritis terhadap hidup. Puisi harus mempunyai nilai-nilai kebenaran yang tidak mudah luntur serta mempunyai maksud tersirat yang begitu mendalam. Dalam membicarakan pandangan ini, Vivikkananthan telah merumuskan bahawa, puisi seharusnya menjadi perantaraan luahan hati seorang penyair atas sesuatu perkara atau situasi. Ia bukanlah mainan kata semata-mata ke atas perkara yang menyentuh hati, bahkan perasaan yang dilahirkan dengan sulaman perkataan indah dan berseni. Kesempurnaan dalam puisi ini akan diterima umum serta melahirkan percambahan fikiran. Keadaan ini secara langsung melahirkan nilai-nilai hidup yang tinggi.

Rumusan perspektif Bahasa Tamil mengenai definisi puisi ini dapat dijelaskan melalui puisi Kavimani Thesiga Vinayagam Pillai yang berikut :

Bahasa Tamil – BT :

cs;sj;jpy; cs;sJ ftpij - ,d;gk;
cUntLg;gJ ftpij
njs;Sj; njspe;j jkpopy; - cz;ik
njupe;J ciug;gJ ftpij

Transliterasi – TR :

uLLatil uLLatu kavithai – iNbam
uruveduppadu kavithai
teLLut teLinta tamilzil – unmai
terintu uraippatu kavithai

Dalam bait ini, Kavimani Thesiga Vinayagam Pillai mencirikan puisi sebagai nukilan yang dilahirkan daripada naluri seorang penyair, melahirkan keindahan serta menyatakan kebenaran dengan penggunaan kata-kata mudah dan tepat.

2.2 GAYA BAHASA DAN NILAI KEINDAHAN BAHASA DALAM PUISI

Nilai gaya bahasa dan keindahan bahasa merujuk kepada pengetahuan tentang kata-kata dan penyusunan ayat. Menurut Keris Mas (1988:13), gaya bahasa bermaksud cara atau ragam kesusasteraan bahasa itu, khususnya dalam penghasilan kesusasteraan. Beliau menambah penggunaan atau pemakaian bahasa mempunyai jenis-jenis yang khusus seperti berikut :

- i. untuk menghuraikan ilmu pengetahuan
- ii. untuk berucap kepada khalayak ramai yang tidak terpelajar atau terpelajar
- iii. untuk menulis bentuk berita dalam akhbar
- iv. untuk mengarang rencana dan esei
- v. untuk kegunaan perundangan

- vi. untuk ilmu sains dan teknologi
- vii. untuk karangan yang menghuraikan dan membangkitkan perasaan seni

Dalam penjelasannya, Keris Mas menyatakan gaya bahasa sastra tidak sama dengan gaya bahasa karangan-karangan bidang lain. Kesusasteraan ialah kesenian yang menggunakan bahasa sebagai alat seperti seni lukis yang menggunakan cat dan berus sebagai alatnya. Menurut beliau, bahasa mempunyai nilai keindahan iaitu nilai yang mengharukan dan membangkitkan perasaan. Oleh yang demikian, penggunaan gaya bahasa yang mempunyai nilai keindahan bahasa bukan sahaja menyampaikan idea dan maklumat tetapi penyampaian idea dan maklumat itu dengan menimbulkan rasa keharuan, di samping merangsang daya fikir dan akal.

Secara ringkasnya, Keris Mas merumuskan bahawa, gaya bahasa karya kesusasteraan berbeza dengan karya bukan kesusasteraan dari segi nilai estetika. Menurut beliau, keindahan bahasa dalam puisi ialah estetika bahasa yang digunakan untuk menyatakan perasaan, pemikiran dan gambaran yang ingin disampaikan oleh penyair kepada pembaca. Kehadiran nilai keindahan, dalam sebuah puisi menjadikan bahasa kesusasteraan mempunyai gaya yang tersendiri dan tidak terikat kepada tatabahasa.

Dalam kesusasteraan, keadaan menyeleweng daripada ikatan tatabahasa ini dianggap sebagai kebebasan penyair yang ingin lari daripada aturan atau cara. Mengikut Keris Mas, penyair sering menyeleweng daripada aturan yang biasa. Ini merupakan satu manipulasi kebahasaan. Kemanipulasian ini akan menimbulkan rasa khusus yang

mengandung nilai keindahan bahasa. Dalam pemanipulasian ini, pemilihan kata, pemilihan struktur sintaksis, penggunaan dan pemilihan bahasa figuratif, ungkapan, peribahasa, kiasan dan sindiran, unsur-unsur stilistik dan penggunaan pola konvensional yang dipermoden akan menjadi penggunaan penyair.

Dharmawijaya (1998:52), mengaku pendapat di atas dengan menyatakan bahawa konsep kebebasan penyair itu wujud kerana seseorang penyair itu selalunya berusaha lari daripada kontroversi, menyimpang atau menentang bentuk dan ikatan lama. Hakikat ini lahir kerana karya sastera, terutama puisi dilihat sebagai medium pengucapan para sasterawan yang ingin menyatakan pemikiran dan perasaan yang selalunya bersifat abstrak. Maka dengan menggunakan keindahan bahasa tertentu, seseorang penyair itu dapat menyalurkan idea dan perasaan abstrak itu kepada pembaca dengan memanipulasikan jenis-jenis gaya bahasa yang tertentu.

Dharmawijaya, menambah bahawa penyair menggunakan keindahan bahasa tersendiri untuk menimbulkan kesan tertentu pada puisi dan sajak. Menurut beliau, keindahan bahasa dalam penciptaan puisi adalah penting kerana tanpa pengetahuan jenis-jenis gaya bahasa indah, seorang penyair itu mungkin hanya mencipta sesebuah puisi berdasarkan pengaruh pembacaan terhadap puisi penyair lain ataupun kerana bakat semulajadinya. Menurut Dharmawijaya, hasil penciptaan puisi hanya akan mempunyai nilai kepuhitan yang tinggi jika penyair dapat menggunakan nilai-nilai keindahan bahasa seperti simile, metafora, personifikasi, ironi, paradoks, hiperbola, epifora dan inversi dengan sempurna dalam puisi mereka.

Rahman Shaari (2004:11) pula berpendapat, nilai keindahan dalam puisi terhasil daripada kesinambungan isi dengan bentuk. Bahasa yang terlalu berbunga-bunga dengan isinya remeh-temeh tidak akan menghasilkan keindahan dalam puisi. Mengikutnya, bahasa yang tidak mempunyai keindahan dari segi isi yang padat tidak akan menghasilkan keindahan. Tautan antara isi dengan bentuk sebenarnya penting. Dengan demikian, penyair hendaklah benar-benar menyedari hakikat pentingnya tautan itu supaya puisi itu berjaya dari segi kepuitisannya.

Siti Zaleha M.Hashim (Pelita Bahasa, Dis 2005:13), semasa membicarakan cara bagaimana bahasa yang indah mengangkat nilai sastera mengibaratkan bahasa indah dan sastera kepada irama dan lagu. Beliau berpendapat, bahasa penggunaan yang tidak teratur dan menarik gagal melahirkan karya-karya yang bermutu tinggi. Berpandukan kepada beberapa puisi tradisional, Siti Zaleha M.Hashim merumus bahawa, puisi tradisional yang diungkapkan dengan bahasa yang indah dan falsafah yang tinggi sehingga sekarang terserlah dengan keistimewaan kesusasteraan. Justeru itu, bahasa berperanan dalam mengangkat nilai sastera, manakala sastera dapat berfungsi dalam menyebarkan bahasa yang indah. Ibarat irama dan lagu, bahasa dan sastera saling melengkapi dan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Semasa menilai keindahan dalam sastera, Hashim Awang (1982:20), menerangkan bahawa karya sastera, baik ia cereka puisi atau drama jelas mempunyai nilai-nilai yang 'instrumental' dan 'terminal'. Oleh yang demikian karya sastera,

mengikuti beliau pertamanya dilihat sebagai alat yang boleh menawarkan atau memberikan satu-satu kegunaan atau manfaat kepada masyarakat yang menciptanya. Di samping anggapan sebagai alat, karya sastra juga sebenarnya merupakan sebuah objek keindahan yang memancar unsur-unsur keindahan dan berupaya untuk mencetuskan pengalaman estetika. Mengikuti beliau, karya sastra yang selalu mendapat penghormatan kerana ketinggian nilai atau mutunya adalah karya yang memiliki kedua-dua ciri iaitu kegunaannya sebagai alat keindahan dan sifatnya sebagai objek keindahan.

Farid M. Onn, (1982:84), membicarakan sastra dan aspek keindahannya tidak dapat lari daripada perhatian pada media atau alat pengucapan iaitu bahasa. Sebagai karya tulisan kreatif dan imaginatif yang menekankan unsur-unsur keindahan dan seni, penulisan karya sastra banyak bergantung pada keupayaan daya kreatif penulisan serta penguasaan mekanisme penyusunan bahasa yang amat tinggi. Beliau menegaskan, kekuatan dan keunggulan seseorang penulis menggunakan atau mengeksploitasi kemungkinan-kemungkinan bahasa bagi mencipta sebuah tulisan kreatif akan menonjolkan kemampuan serta gaya tulisan indah. Beliau berpendapat, tulisan kreatif dan imaginatif memerlukan penggunaan atau gaya bahasa kreatif dan imaginatif bahasa yang memenuhi konsep *foregrounding* (penyimpangan daripada norma gaya penulisan yang berlaku pada bahasa), yang mengandungi nilai-nilai keindahan bahasa yang tinggi sehingga dapat menimbulkan kepuasan dan kenikmatan kepada pendengar atau pembacanya.

2.3 DIKSI

Alat untuk menyampaikan perasaan dan fikiran seorang penyair adalah bahasa. Keberkesanan bahasa sebagai nilai kesusasteraan bergantung kepada penggunaan kata-kata yang sesuai. Pelbagai hujahan telah diketengahkan oleh ahli-ahli linguistik tentang penggunaan diksi dalam hasil kesusasteraan.

Keris Mas (1988:31), menyatakan penggunaan kosa kata atau diksi memainkan peranan yang amat penting dalam penyampaian maksud sesuatu hasil sastera. Beliau menerangkan bahawa kosa kata dan perbendaharan kata sesuatu bahasa terutama bahasa Melayu memang beribu-ribu. Setiap kata tersebut mempunyai erti dan makna tertentu. Oleh yang demikian, pemilihan kata yang tepat amat penting untuk menyampaikan maksud tema seorang penyair.

Semasa membincangkan kepentingan kata dalam bahasa, Keris Mas menyatakan bahasa sebenarnya wujud kerana kata. Mengikut beliau, tanpa kata tiada bahasa. Keris Mas menambah bahawa bahasa terdiri daripada unit-unit yang disebut kata. Unit-unit atau kata-kata itu disusun menjadi gugusan kata yang berupa frasa, klausa dan ayat. Susunan ini mempunyai peraturan-peraturan rapi yang disebut tatabahasa. Kata-kata dalam gugusan yang diatur dengan peraturan tatabahasa ini kadang-kadang berubah makna, bertambah variasi makna dan kurang ketegasan maknanya. Dalam konteks ini, Keris Mas berpendapat penyampaian dan penerimaan idea banyak bergantung kepada ketepatan pilihan kata. Penyampai harus mempunyai penguasaan dalam banyak kata supaya kemasukan kata dalam susunan frasa, ungkapan dan ayat secara berkesan.

Beliau membicarakan lagi, sebelum melakukan pemilihan kata seorang penulis sastra terlebih dahulu menguasai kosa kata yang amat luas. Jika tidak, penulis tersebut tidak dapat menceritakan seluruh hidup manusia, mendeskripsikan fizikal dan mentalnya. Mengikut Keris Mas, fahaman naluri biasanya merujuk pemilihan kata mengikut ketepatan dan kesesuaian dengan erti yang sama. Pada hakikatnya, ketepatan dan kesesuaian kata adalah dua perkara yang berbeza. Beliau menambah, kata yang tepat maknanya selalu diperlukan untuk deskripsi dan penerangan mengenai hal-hal berfakta. Ia lebih merujuk kepada perkara-perkara seperti ukuran, jangkamasa, warna, rasa, waktu, bilangan dan sebagainya. Kata-kata ini perlu apabila hendak menerangkan atau memberi deskripsi hal-hal berfakta yang biasanya berhubung dengan ilmu dan penegasan. Tetapi kata-kata yang tidak tepat maknanya terasa indah dan serasi dengan perasaan bila mendeskripsi sesuatu yang berunsur estetika.

Di samping itu, Keris Mas mentakrifkan kata-kata sesuai sebagai kata-kata yang sesuai maknanya dalam konteks sebuah wacana yang mempunyai hubungan dengan beberapa hal. Hal itu termasuk hal suasana, status manusia dan hubungan sosial. Beliau juga menegaskan pemilihan kata-kata tidak harus menyimpang daripada maksud sebenar malah berharmoni dan membina suasana.

Dalam konteks pemilihan diksi dalam puisi, Ariff Shahidan (pelita Bahasa : Nov 98:19), menyatakan setiap penyair mempunyai pendirian yang berbeza. Ariff Shahidan membuktikan perbezaan ini dengan mengulas puisi Usman Awang dan Muhamad Haji Salleh. Beliau mengulas bahawa, Usman Awang secara umumnya memilih dan menggunakan kata-kata puitis dalam puisinya. Manakala, Muhamad Haji Salleh

memilih kata-kata biasa. Ariff Shahidan berpendapat, kata-kata puitis bukan menjadi syarat mutlak dalam penghasilan sesebuah puisi. Malah, pemilihan sesuatu kata itu mampu memperkuat puisi dari segi penyampaian maksud. Tambah beliau, kata-kata dalam puisi sebilangan penyair hanya menonjolkan perasaan penyair dan bukannya pemikiran penyair. Beliau berpendapat, hal ini tercetus kerana identiti intelektual atau kepenyairan menjadi faktor dominan. Dalam ulasan ini, Ariff Shahidan merumuskan bahawa, dalam konteks sajak dan puisi khususnya cara kata-kata dipilih dan digunakan oleh seseorang penyair dapat pula membezakan kepenyairannya dengan kepenyairan lain. Hal ini akan menjadi identiti seseorang penyair.

Slametmuljana (1956:7 dlm. Rachmat Djoko Pradape 1987:51) menyatakan bahawa, sasterawan memerlukan perasaan yang halus dalam menggunakan kata-kata dalam hasil ciptaannya. Sasterawan harus memahami makna leksikal dan makna kesusasteraan dengan jelas. Tambah beliau, seorang penyair juga dapat memberi nafas baru kepada kata-kata yang hilang daripada penggunaan masyarakat. Beliau menggunakan sajak Amir Hamzah untuk menjelaskan hujah beliau:

Benang raja mencelup ujung
Naik marak menyerak corak
Elang leka sayap tergulung
Dimabuk warna berarak-arak

Mengikutnya, dalam sajak ini Amir Hamzah menggunakan kata-kata seperti *marak* dan *leka* yang membawa makna cahaya dan lalai, sudah lama hilang daripada

penggunaan masyarakat. Penggunaan semula kata-kata seumpama ini akan menghidupkan kembali kata-kata tersebut.

Walau bagaimanapun, menghidupkan kembali kata-kata mati ini mempunyai kesan langsung ke atas puisi yang dihasilkan oleh penyair. Pandangan Rachmat Djoko Pradape (1987:52), ke atas perbincangan ini amat tepat sekali. Mengikutnya, dasar bahasa yang digunakan oleh sasterawan mestilah bahasa umum. Jika bahasa atau kata-kata yang sudah hilang digunakan dalam puisi, kemungkinan pembacanya tidak dapat memahami hasil puisinya. Keadaan ini akan menjadikan puisinya tidak berjiwa. Oleh yang demikian, beliau menyarankan bahawa penyair mesti menggunakan diksi yang dikenali umum dan digunakan dengan makna universal.

Rachmat Djoko (1987:53), juga menyatakan bahawa puisi akan mempunyai nilai kesenian apabila pengalaman jiwa penyair dapat dijelmakan dengan kata yang sesuai. Diksi yang digunakan oleh penyair dianggap berjiwa apabila dapat meluahkan perasaan penyair. Beliau menambah, seorang penyair akan menggunakan bahasa kiasan, retorika, ketatabahasan dan diksi yang sesuai mengikut struktur puisi untuk menimbulkan kejiwaan dalam puisi yang dihasilkan. Mengikut beliau, kata-kata tepat yang dipilih oleh penyair akan memainkan peranan yang lebih luas daripada makna dalam kamus.

Rachmat Djoko (1987:53), juga membincangkan penempatan kata dan pemilihan kata dalam puisi. Beliau berpendapat penempatan kata dan pemilihan kata

memainkan peranan yang amat penting dalam penciptaan kesusasteraan. Jika sesuatu diksi dalam puisi hanya menerangkan maksud sahaja, ia gagal berperanan sebagai diksi kesusasteraan. Malah mengikut beliau, diksi yang dipilih harus menimbulkan perasaan dan pengalaman yang sama pada pembaca sebagaimana diamati oleh penyair.

Rachmat Djoko menyokong ulasan ini dengan mengemukakan sajak Toto Sudarto Bactiar (1975:50), yang bertajuk Pahlawan Tak Dikenal :

Sepuluh tahun yang lalu dia terbaring
Tetapi bukan tidur, sayang
Sebuah lubang peluru bundar di dadanya
Senyum bekunya mau berkata, kita sedang perang.

Sajak ini bertemakan kematian seorang pahlawan sewaktu pertempuran di Surabaya Indonesia pada 10 Nov 1945. Rachmat Djoko menyatakan kata-kata yang dipilih penyajak dalam sajak ini bukan sahaja menyampaikan tema malah ia lebih mendedahkan sikap dan hormat serta rasa intim penyair terhadap pahlawan yang menabur jasa. Penyajak dapat menyatakan keikhlasan kematian pahlawan dalam membela nusa dan bangsa. Keadaan ini dijelaskan melalui bait berikut:

dia terbaring tetapi bukan tidur
Senyum bekunya mau berkata

Menurut Barfield (1952:41), kata-kata yang dipilih dan disusun dengan cara yang sedemikian rupa bertujuan menimbulkan nilai imaginasi. Keadaan ini dapat menghasilkan diksi puitis yang dapat meninggikan nilai keindahan bahasa dalam sebuah puisi.

2.3.1 DEFINISI DIKSI DARI PERSPEKTIF BAHASA TAMIL

Perunjithiranar (1979:4) menyatakan kata yang disusun dengan ikatan bunyi yang rapi mempunyai nilai keindahan bahasa tinggi berbanding kata-kata yang tidak tersusun dengan ikatan bunyi. Kata-kata yang disusun dengan teratur dalam bait dapat membina inspirasi yang tinggi terhadap puisi. Di samping membina inspirasi, ia juga dapat membina percambahan fikiran manusia. Dengan demikian, penggunaan diksi yang sesuai menjadi aspek penting dalam penghasilan puisi. Beliau menambah, diksi yang dipilih mesti mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- i. Diksi mesti mempunyai makna konotasi yang mendalam.
- ii. Diksi yang tidak memutar belitkan makna.
- iii. Diksi yang mempunyai keutuhan makna yang tinggi.

Kailaspathi (1970:50), menyatakan penggunaan diksi yang kaya dalam puisi merupakan unsur yang penting. Mengikut beliau, penggunaan diksi dalam puisi Tamil mempunyai dua dimensi yang berbeza mengikut peredaran masa. Kata beliau, Subramania Barathiyar membawa dimensi baru penggunaan diksi dalam Puisi Tamil. Mengikutnya, Subramania Barathiyar mula menggunakan diksi-diksi yang mudah untuk menyampaikan tema kepada pembaca. Dengan cara ini beliau berjaya mendekatkan puisi kepada rakyat biasa berbanding era sebelumnya. Kailaspathi merumuskan kejayaan Subramania Barathiyar membuktikan bahawa puisi harus dicipta dengan kata-kata mudah yang dapat menyampaikan maksud dengan tepat kepada pembaca.

Kaliaperumal (1990:18) dalam kajian, membicarakan keutuhan penggunaan diksi dalam puisi menyatakan diksi yang sesuai mencuit hati pembaca sehingga dapat memantapkan keimanan dan minda pembaca. Dalam membicarakan puisi-puisi *Thiruva:cagam*, (puisi keagamaan Hindu) beliau menerangkan bahawa diksi yang digunakan dalam *Thiruva:cagam* merupakan kata-kata yang mudah difahami serta mempunyai nilai keputisan yang tinggi. Penggunaan kata-kata sedemikian berupaya mencuit hati pembaca yang liat. Senario ini dijelaskan berpandukan kepada puisi di bawah:

Bahasa Tamil – BT : jpUthrfj;jpw;F cUfhjhu;
xU thrfj;jpw;Fk; cUfhu;

Transliterasi – TR : Tiruva:cakattirku uruka:ta:r
Oru va:cakattirkum uruka:r

Ungkapan di atas membawa maksud, jika seseorang tidak dapat menghayati dan menjiwai kata-kata dalam *Thiruva:sagam*, maka mereka tidak mudah lentur pada apa sahaja di dunia ini.

Dalam perbincangan lanjut, Kalaiperumal menggunakan kata-kata Ramalinga Vallalar yang berikut:

Bahasa Tamil – BT : thd; fye;j khzpf;f thrfj;jpd; thrfj;ij
ehd; fye;J ghLq;fhy; ew;fUg;gQ; rhw;wpdpNy
Njd; fye;J ghy; fye;J nrOq;fdpj; jPQ;Rit fye;J
Cz; fye;J capu; fye;J ctl;lhky; ,dpg;gJNt!

Transliterasi – TR : va:N kalanhtha ma:Nika va:cakatin va:cakatai

na:n kalanhthu Pa:dungka:l naRkarupangj ca:RRinile
te:n kalanhthu Pa:l kalanhthu cezungkaNit ti:njsuvai kalanhthu
u:n kalanhthu uyir kalanhthu uvata:mal iNipatuve

Puisi ini menyatakan bahawa semasa membaca diksi kandungan *Thiruva:sagam*, Ramalinga Vallalar merasai kata-katanya bagai air tebu yang dicampur aduhkan dengan madu dengan manisan air buah-buahan. Melalui penjelasan ini dapat dirumuskan bahawa kata-kata diksi yang sesuai dan tepat dapat menyelami perasaan pembaca sehingga mengguris jiwa pembaca.

2.4 SIMILE

Menurut Keris Mas (1988:143), simile adalah hasil dari perbandingan antara dua perkara, yang menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkan atau mengumpamakannya dengan suatu perkara lain yang seumpama dengannya. Analogi atau perbandingan ini selalunya menggunakan kata perbandingan *seperti, bagai, laksana, macam* atau *umpama*. Contoh di bawah menjelaskan keadaan ini.

Seperti cincin dengan permata

Dalam contoh di atas, kelihatan perbandingan yang wujud dari keadaan cincin dengan permata. Makna lahirnya `cincin dengan permata` itu menggambarkan sesuatu yang padan, sesuai dan cantik. Makna tersirat dalam simile ini ialah unsur keindahan disebabkan oleh kesesuaian darjat, taraf, rupa dan nilai yang berharmoni hingga mewujudkan rasa sayang dan terharu.

Beliau menyatakan, bahasa dalam puisi mempunyai kuasa yang luar biasa. Begitu juga halnya dengan penggunaan simile oleh penyair. Simile membandingkan

sebuah objek dengan sebuah objek lain yang mempunyai persamaan dari segi fizikal atau abstrak. Perbandingan sedemikian akan meningkatkan keberkesanan dan kekuasaan objek atau perkara yang ingin disampaikan.

Menurut Kris Mas (1990:15) simile mempunyai dua bahagian, iaitu perkara atau objek yang ingin disampaikan dan perkara atau objek yang menjadi perbandingan. Lazimnya, perlambangan dalam puisi Tamil terletak pada objek kedua. Perkaitan antara kedua-dua perkara atau objek ini dilihat dengan kehadiran kata hubung bagai, seperti dan macam.

Menurut Frances Mayes (1978:94), simile merupakan persamaan yang jelas kelihatan. Simile datang dari bahasa Latin 'similis' yang bermaksud *similar* atau *like*. Tambah beliau, suatu simile lazimnya menjadi lemah jika simile tersebut abstrak, samar-samar atau menjemukan. Lantaran, keadaan ini menjadikan pembaca tidak dapat menghayati idea penyair. Contoh di bawah jelas menjelaskan keadaan ini.

Lazy as a day in June
Malas bagai satu hari dalam Jun

Clear as soap
Jelas bagai sabun

The rain fell like tears
Hujan turun seperti air mata

Tambah beliau, jika perbandingan yang dituju dengan 'bagai' tidak mempunyai perbezaan yang ketara, maka simile tersebut gagal menonjolkan maksud penyair. Ini

bermakna fungsi simile tidak akan kesampaian. Contoh di bawah, menunjukkan kekaburan ini.

The waves like a seagull
Arus bagai burung camar

Kesimpulannya, para pembaca hanya dapat menghayati maksud penyair jika berupaya menghasilkan satu imej yang benar-benar memaparkan imej asal perkara yang dibandingkan.

2.4.1 DEFINISI SIMILE DARI PERSPEKTIF BAHASA TAMIL

Keutuhan peranan simile dalam *ceyuL* Tamil dapat dibuktikan melalui *Tholkappiyam* (Karya tatabahasa unggul Bahasa Tamil). *Tholkappiyar* (penulis *Tholkappiyam*) telah menggariskan ciri-ciri simile melalui 36 *cu:thiram* (puisi klasik berbentuk mantera). *Cu:thiram* tersebut itu seperti berikut :

Tholkappiyar telah menstruktur konsep simile kepada 36 *cu:thiram* tersebut mensistemkan konsep simile kepada 10 struktur iaitu:

- 1.1 Bagaimana simile dilahirkan
- 1.2 Kenapa simile digunakan
- 1.3 Tatacara penggunaan simile
- 1.4 Metafora sebagai simile
- 1.5 Diksi dalam simile
- 1.6 Maksud tersirat dalam simile
- 1.7 Cara mengenal maksud tersirat dalam simile

- 1.8 Jenis-jenis simile
- 1.9 Bagaimana manusia melahirkan simile
- 1.10 Bentuk simile dalam sintaksis

Tholkappiyar menerangkan diksi hanya akan terbentuk jika mempunyai perhubungan atau persamaan ketara di antara simile dengan benda atau perkara yang ingin dibandingkan. *cu:thiram* di bawah menjelaskan perkara ini ini:

Bahasa Tamil – BT :

tpid gad; nka;AU ntd;w ehd;Nf
 tifngw tej Ttkj; Njhw;wk;
 (njhy;; : nghUs;; 277)

Transliterasi – TR :

viNai payaN meiyuru eNRa nha:Nke:
 vagaipeRa vanhtha uvamat to:RRam

Dalam *cu:thiram* ini juga, Tholkappiyar menjelaskan simile sebagai nukilan kesusasteraan mempunyai perhubungan atau persamaan dalam empat perkara yang nyata iaitu; perlakuan (kerja), fungsi, bentuk fizikal dan sifat benda (contohnya, warna). Secara kasarnya, ke semua empat perkara ini akan berdiri sendiri dalam melahirkan simile. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan ia juga akan berkait dan memberi makna simile. Pilihan simile seharusnya membayangkan sifat yang unggul dan terpuji.

Contoh: Putih bagaikan susu
 Buas bagai harimau

Semasa menghubungkan simile dengan perkara yang diperbandingkan Tholkappiyar mentafsir beberapa dasar yang penting. *Cu:thiram* di bawah dapat menerangkan sejelas-jelasnya dasar tersebut:

Bahasa Tamil – BT :

ctikAk; nghUSk; xj;jy; Ntz;Lk;
nghUNs ctkk; nra;jdu; nkhopapDk;
kUsW rpwg;gpd;/J ctkhFk;
ngUikAk; rpWikAk; rpwg;gpd; jPuhf;
Fwpg;gpd; t&ck; newpg;ghLila
(njhy;; : nghUs;: 283-285)

Transliterasi – TR :

uvamayum porulum Ottal ve:ndum
poruLe: uvamam ceitaNar moziyinum
maruLaRu ciRappinxthu uvamamakum
perumaiyum ciRumayum ciRapiN ti:rak
kuRippiN varu:vum nheRipa:dudaya

Mengikut *cu:thiram* ini, Tholkappiyar menyatakan simile yang dipilih harus mempunyai ciri yang sama dengan perkara yang diperbandingkan. Di samping itu, simile yang dipilih mesti memberi makna tepat dan jelas terhadap perkara atau benda yang diperbandingkan. Walaupun simile yang dipilih lebih-lebihkan atau memperkecilkan ciri-ciri benda yang dibandingkan dengan nilai keindahannya, ia tidak harus lari daripada menghubungkan persamaan di antara benda yang diperbandingkan. Ringkasnya, *Tholkappiyar* menyatakan, simile yang dipilih harus mempunyai nilai keutuhan untuk memberi makna tepat dan jitu terhadap perkara atau

benda yang ingin diperbandingkan. Tholkappiyar menyenaraikan sebanyak 36 jenis pengikat kata dalam simile, iaitu:

BT	TR	BT	TR	BT	TR
md;d	- aNNa	vs;s	-eLLa	Gy;y	-pulla
Va;g;	- e:yppa	tpioa	-vizaya	nghUt	-poruva
g					
Cwo	- u:Ralza	,wg;g	-iRapa	nghw;g	-poRpa
xg;g	-oppa	epfu;g	-nhigarppa	Nghy	-po:la
		;g			
vd;d	-eNNa	fs;s	-kaLLa	nty;y	-vella
khd	-ma:na	fLg;g	-kadupa	tPo	-viza
xd;w	-oNRa	fha;g;	-ka:yppa	ehl	-nha:da
		g			
xLq;f	-odungka	kjpg;g	-matippa	espa	-nhaLiya
xl;l	-otta	jifa	-tagayya	eLq;f	-nhadunga
Mq;f	-a:nga	kUs	-marula	ee;j	-nhanta
vd;w	-eNNRa	khw;w	-ma:tRRa	Xl	-o:da
tpag;	-viyappa	kWg;g	-maRuppa	Giua	-puraya
g					

BT - Bahasa Tamil

TR – Transliterasi

Menurut Rajagopalachariyar (1963:47), simile menggambarkan persamaan sesuatu perkara atau objek dengan membandingkan akan sifat atau fungsi benda tersebut. Tambah beliau, simile dapat dibahagikan kepada tiga iaitu :

1. simile yang menggambarkan sifat
2. simile yang menggambarkan kerja

3. simile yang menggambarkan fungsi

1. Simile yang menggambarkan sifat :

Contoh:

Bahasa Tamil – BT : re;jpuidg; Nghd;w Kfk;

Transliterasi – TR : santhiraNai po:Nra mukam

Terjemahan - VT : Muka umpama bulan
Verbatim

Maksud : Bulan bagai muka

Simile di atas menggambarkan sifat bulan yang terang, sejuk dan manis. Apabila sifat-sifat demikian diamati pada muka seorang wanita, penyajak menggambarkan sedemikian.

2. Simile yang menggambarkan kerja :

Contoh:

Bahasa Tamil – BT : kd;du; tpop;jjh kiug+j;j kz;lgj;Nj
nghd;dpd; klg;ghit Ngha;g;Gf;fhs; -
kpd;dpwj;Jr;
nra;ajhs; nts;isr; rpiwad;dQ; nrq;fkyg;
ngha;iftha; NghtNj Nghd;W

Transliterasi – TR : maNNar vizi tha:marai pu:ttha mantapathe:
Verbatim poNNiN matapa:vai po:ippuka:L - miNNRathu
Ceyata:L veLLaic ciRaiyaNNnanj cengkamalap
Poikaiva:i po:vate: po:NRu

Terjemahan - VT : Tamaianthi (permaisuri) berjalan masuk ke ruang istana yang dipenuhi dengan Raja-raja. Beliau yang berjalan bagai angsa putih yang berbulu putih dan berkaki warna kilat berenang ke dalam kolam teratai,

Maksud : cara Tamaianthi (permaisuri) berjalan masuk ke ruang istana sungguh menarik kerana ia dibagaikan

seekor angsa putih yang berbulu putih dan berkaki
warna kilat berenang ke dalam kolam teratai,

Simile di atas menggambarkan penyair memuji akan cara berjalan
Tamayanthi dengan mengaitkan akan cara berjalan angsa putih. Dalam contoh di atas
`berjalan` merupakan suatu perbuatan.

3. Simile yang menggambarkan fungsi :

Contoh:

Bahasa Tamil – BT : Njd;nkhopahs;;;

Transliterasi – TR : te:nmoziyaL

Terjemahan - VT : ujaran madu

Verbatim

Maksud : ujaran wanita bagai kemanisan madu

Simile di atas menggambarkan ujaran wanita bagai kemanisan madu. Fungsi madu
ialah memberi kemanisan dan begitu juga jika ujaran atau percakapan wanita memberi
kemanisan kepada pendengar maka penyair menggunakannya dalam menggambarkan
fungsi tersebut.

Tambah beliau, setiap semilie digunakan dengan menggunakan kata hubung.

Senarai di bawah adalah antaranya:

Bahasa Tamil – BT : Nghy> Giua> xj;j> cwo> khd> fLg;g>
,iaa> Va;g;g> Neu> epfu> md;d> ,d;d

Transliterasi – TR : po:la, puraiya, othta, uRaza, ma:na, kaduppa,
iyaiya, e:ippa, ne:ra, nikara, aNNa, iNNa

Unsur simile merujuk kepada penggunaan sesuatu benda atau hal untuk menunjukkan atau menyarankan benda atau hal yang lain. Simile dalam puisi dianggap sebagai perbandingan, penyerupaan, kiasan, ibarat dan peribahasa untuk menyampaikan mesej sesebuah puisi. Unsur simile ini lebih merupakan aspek semantik yang rapat sekali hubungannya dengan keseluruhan nilai keindahan sesebuah puisi.

Menurut Kaliaperumal (1990: 85), sudut pandangan seorang individu biasa terhadap sesuatu benda atau perkara amat berbeza berbanding seorang penyair yang unggul. Sesuatu benda yang dilihat oleh penyair adalah secara unik dan tepat sehingga pengimejan yang diberikan memutik perasaan pembaca.

Beliau menambah bahawa apabila individu normal melihat gunung, dia hanya melihat dan menyatakan sifat luaran dan sifat fizikal gunung tersebut dengan menyatakan ketinggian gunung itu dan gambaran sekeliling gunung sahaja. Tetapi gunung yang sama dilihat oleh penyair dengan sudut pandangan seorang penyair, pada sudut pandangan dan dengan tafsiran yang berbeza sama sekali. Beliau membicarakan pandangan ini berdasarkan puisi Kumara Gurubarar yang berikut :

Bahasa Tamil – BT :

jpq;fs;Kb #Lkiy njd;wy; tpisahLkiy!
jq;FKfpy; #Okiy jkpo;Kdptd; thOk;kiy!
mq;ifaw;fzk;ik jpUtUs; epue;J nghoptnjd
nghq;fUtp J}q;Fk;kiy nghjpakiy vd;kiyNa!

Transliterasi – TR :

tingkaLmudi su:dumalai teNRal viLaiya:dummalai!

Thangumukil su:zumalai thamizmuNivaN va:zuzmalai!
angkayaRkanammai tiruvaruL nirantu pozivatena !
pongkaruvi tu:nggummalai potiyamalai eNmalaiye:!

Dalam puisi ini, Kumara Gurubarar menggunakan banyak unsur simile untuk memberi imej kepada gunung yang dipandangnya. Beliau menyatakan gunung yang dipandangnya itu seolah-olah menyemat bulan di kepalanya. Angin yang bermain bahasa dengan kepulan awan yang menyelebunginya. Beliau juga menambah, air terjunnya yang melimpah umpama sedang tidur nyanyak dari sudut pandangan jauh.

Kaliaperumal menyatakan unsur simile yang memetik daripada jiwa seseorang penyair bukan sahaja mengindahkan puisi malah akan menambah nilai keputisan sesuatu puisi sehingga menyerlahkan hasrat hati penyair kepada pembaca. Beliau menjelaskan kenyataan ini dengan mengemukakan puisi Kamar dalam *Kambaramayanam*. Beliau menambah bahawa simile yang digunakan oleh Kamar untuk menggambarkan keindahan taman dalam puisi bukan sahaja mengagumkan tetapi juga memberi bayangan keadaan sebenar taman tersebut. Puisi tersebut berbunyi:

Bahasa Tamil – BT :

jz;liy kapy;fs; Ml jhkiu tpsf;fk; jhq;ff;
nfhz;ly;fs; Kotpd; Vq;ff; Ftis fz;tpopj;J Nehf;fj;
njz;biu vopdp fh;l;j; Njk;gpop kfuahopd;
tz;Lfs; ,dpJghl kUjk; tPw;wpUf;Fk; khNjh!

Transliterasi – TR :

tandalai mayilkal a:da ta:marai viLakam Ta:nga

KondalkaL Muzavin e:ngka kuvaLai kanvizitu no:ka
tendirai ezini ka:tta te:mpizi makaraya:ziN
vandukaL iNitupa:da marutam vitRRikum ma:to:!

Unsur simile yang diutarakan dalam puisi ini sungguh mengagumkan. Dalam puisi ini Kambar telah menggambarkan suasana indah dan ceria. Beliau menggambarkan bahawa dua ekor merak yang sedang menari sebagai dua penari klasik; bunga teratai yang mekar sebagai lampu hiasan untuk tarian tersebut; aliran sungai di belakang sebagai tirai; bunyi gemuruh dilangit sebagai muzik gendang; bunga *kuvalai* sebagai penonton; bunyi yang dikeluarkan lebah yang mengutip madu di bunga sebagai muzik iringan untuk tarian tersebut. Kalaiaperumal menyatakan, penyair yang menggunakan imaginasi dan nilai unsur simile yang begitu tinggi dapat mewujudkan suasana sebenar dalam hati pembaca. Unsur simile yang digunakan bukan sahaja menambahkan keindahan puisi malah dapat menyerikan tema puisi di jiwa pembaca.

Dikatakan, bahasa dalam puisi mempunyai kuasa yang luar biasa. Begitu juga halnya dengan penggunaan simile oleh penyair. Simile merupakan perbandingan antara sesuatu objek secara langsung. Perbandingan ini menggunakan kata-kata perbandingan iaitu seperti, macam, ibarat, bak, laksana, bagai, persis dan seolah-olah. Dalam puisi, perbandingan sedemikian akan meningkatkan keberkesanan dan kekuasaan objek atau perkara yang ingin disampaikan.

Lazimnya, unsur simile dalam puisi Tamil terletak pada objek kedua. Perkaitan antara kedua-dua perkara atau objek ini dilihat dengan kehadiran kata hubung bagai,

seperti, macam dan dalam Bahasa Tamil kata hubung yang kerap digunakan adalah seperti di bawah:

Bahasa Tamil – BT : Nghy> khd> Giua

Transliterasi – TR : po:la, ma:Na, puraiya

Ayat di bawah memberi perincian akan penggunaan simile, objek atau perkara dan kata hubung.

Bahasa Tamil – BT : Me;ij Nghy Kopf;fpwhd;.

Transliterasi – TR : a:nhtai po:la muziRa:N

**Terjemahan - VT : burung hantu macam terpinga-pinga
Verbatim**

**Maksud - : terpinga-pinga macam burung hantu
Tersirat**

Dalam simile di atas, objek burung hantu digunakan untuk menunjukkan keadaan terpinga-pinga dan dihubungkan dengan kata hubung macam.

Balasubramaniam (1998:8), menyatakan bahawa Kesusasteraan Tamil Klasik mahupun Kesusasteraan Tamil Moden, kedua-duanya diindahkannya melalui simile yang digunakan. Mengikut beliau sejak manusia mendapat percambahan fikiran, mereka mula menstrukturkan dan membandingkan benda alam yang wujud. Inspirasi untuk membuat perbandingan ini berakar umbi dan menjadi asas perkembangan manusia bertamadun. Inspirasi inilah kemudian berkembang dan mekar sebagai simile apabila manusia menghasilkan sastera.

Mengikuti beliau, dalam ke semua bahasa simile menjadi unsur kesusasteraan yang memberi ilham keindahan di sepanjang masa. Malah dalam Bahasa Tamil, simile menjadi unsur yang utama sejak kelahiran kesusasteraan *sangkam* hingga ke kesusasteraan moden kini. Berpandukan *ceyyuL* (puisi klasik) sastera Klasik *TaNdialangaram*, di bawah, Balasubramaniam (1998:8) memberi penerangan lanjut tentang definisi simile dalam Bahasa Tamil :

Bahasa Tamil – BT :

gz;Gk; njhopYk; gaDnkd; wptw;wp
ndhd;Wk; gyTk; nghUnshL nghUs; Gzu;jj
njhg;Gik Njhd;wr; nrg;Gt Jtik

Transliterasi – TR :

Panpum tozilum payaNummeN ivatRRin
oNRum palavum porullodu porul punarta
oppumai to:NRa sepuvathu uvamai

Berdasarkan *ceyyuL* ini, beliau menerangkan simile lahir apabila berlaku perbandingan di antara sesuatu benda dengan benda yang lain dalam perhubungannya berdasarkan ciri, perlakuan dan fungsi. Beliau menambah, di dalam *ceyyuL* simile memainkan peranan dominan berbanding dengan nilai estetika yang lain.

Tamilannal (2006:52), menyatakan simile digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara yang tidak diketahui dengan benda atau perkara yang dikenali umum. Jika simile yang sesuai digunakan ia akan membayangkan perkara sebenar dengan tepat dalam menyampaikan makna sebenar. Berdasarkan pandangan Ilampuranar, Tamilannal

menerangkan simile sebenarnya menerangkan sesuatu yang abstrak dengan penuh estetika serta memetik di pihak pendengar. Simile bukan dianggap sebagai komponen keindahan dalam puisi tetapi ia sejiwa dengan kandungan puisi.

2.5 METAFORA

Unsur metafora merupakan bandingan atau kiasan yang menghubungkan sesuatu objek dengan objek lain atau sesuatu konsep dengan konsep yang lain. Metafora biasanya terdiri daripada dua patah perkataan. Satu perkataan konkrit dan satu lagi bersifat abstrak. Penggunaan metafora merupakan perbandingan tanpa memakai kata ‘seperti’ dan ‘umpama’, menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat (Ibrahim Ahmad:2008).

Menurut Muhamad Haji Salleh (1988: 29), metafora merupakan suatu bentuk bahasa yang digunakan sejak tamadun awal manusia. Beliau membicarakan, dalam bahasa metafora digunakan dalam bentuk kiasan iaitu penyentuhan makna yang diinginkan dengan ayat atau frasa secara tidak langsung. Beliau menambah, dengan cara ini seorang penyair dapat menyampaikan makna secara berkesan, segar dan baru. Mengikut beliau, estetika metafora merupakan nilai gaya bahasa yang tinggi sehingga menjadi teknik sastera dan landasan budi bahasa.

Muhamad Haji Salleh menyatakan, melalui metafora pembaca dapat membandingkan persamaan antara dua benda yang dibandingkan dan dapat melakukan pemindahan makna. Beliau menjelaskan maksud pemindahan makna ini melalui ulasan sajak berjudul ‘Usia’ oleh Trisno Sumardjo :

Arus laju, laju.....
Meniup ke arah yang ketuju
Haluan layar tak berkisar
Aku tahu tak mungkin kesasar

Muhamad Haji Salleh menyatakan, dalam bait ini penyair dapat membandingkan hidup dengan lautan dan kuasa usia dengan arus angin, membandingkan perjalanan hidup manusia dengan kapal yang terus menuju ke arahnya, iaitu maut. Perbandingan ini merupakan agak kompleks tetapi mengikut beliau dengan perbandingan ini penyair dapat membina imaginasi yang bermakna. Penyair dapat membayangkan kesengsaraan hidup semasa usia manusia semakin meningkat. Melalui penjelasan ini Muhamad Haji Salleh membuktikan penggunaan metafora yang sesuai dan tepat dapat menjelaskan tema penyair di hati pembaca.

Muhamad Haji Salleh menyatakan bahawa apabila alat bahasa diolah dengan baik dengan pembentukan bakat imaginasi, kehalusan pemilihan bunyi dan keindahan bahasa (metafora, simili, kiasan) yang tepat, ia akan melahirkan puisi yang bermutu tinggi. Keadaan ini juga akhirnya membantu menyampaikan fikiran, perasaan dan wawasan penting kehidupan.

Menurut Keris Mas (1988:150), Metafora juga dikenali sebagai perumpamaan. Walau bagaimanapun, metafora tidak terikat lagi kepada makna dua lapis dan tidak pula memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. Justeru, metafora dapat dikatakan sebagai satu ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau

analogi. Metafora juga dapat berdiri sendiri sebagai unit sendiri mengambil tempat dan berfungsi sendiri dalam struktur sintaksis. Contoh di bawah menjelaskan keadaan ini.

Contoh 1

Kata orang ada sekuntum cempaka di pejabatmu.

(*Cempaka* ialah metafora untuk menyatakan seorang gadis yang cantik)- m.s150

Contoh 2

Buaya darat yang terbesar ialah yang hidup dari hasil orang perempuan yang dipaksanya melacur.

(*Buaya darat* ialah simpulan bahasa dan juga metafora) m.s.151

Ibrahim Ahmad (Dewan Siswa :Mei 2008 : halaman 20) menjelaskan makna metafora sebagai proses linguistik yang melibatkan sesuatu objek dibawa atau dipindahkan kepada objek lain. Beliau menambah, metafora sering digunakan untuk penggantian sesuatu kata lain yang harifah dengan kata lain yang fikuratif.

Mengikut beliau, yang menjadi dasar penggantian tersebut ialah kesamaan atau analogi antara kata harifah dengan penggantian metaforikal. Ibrahim Ahmad, menggariskan enam jenis metafora. Antaranya :

- i. Metafora usang – Penggunaan kiasan ringkas dan mudah diterapkan dalam ayat.
- ii. Metafora lapuk – sering terpapar dalam hujahan seiring kecenderungan pengarang meniru ayat seseorang yang terpengaruh, tanpa usul periksa tentang kesesuaian mahupun kesan penghayatan.
- iii. Metafora ranca – gabungan dua atau lebih unsur bandingan yang

bercanggah saranan imejnya.

iv. Metafora luasan – gagasan pengarang dalam hujah dan tertera secara meluas melalui perbandingan.

v. Metafora klise – Pembaca kepada sesuatu kejadian atau watak daripada sesuatu sumber.

vi. Personifikasi – Pemberian sifat manusia kepada unsur bukan manusia.

Dalam membicarakan fungsi metafora pula, Ibrahim Ahmad menjelaskan bahawa metafora menjadi alat meneguh persepsi seseorang menerusi makna baharu yang diwujudkan, di samping memperjelaskan sesuatu yang abstrak. Beliau juga menambah bahawa, metafora menjadi wahana untuk mencadangkan sesuatu pernyataan dan menjadi jambatan penerangan kaedah pengucapan baharu.

Menurut Frances Mayes (1978:97), perkataan metafora datang dari kata akar Greek yang bermakna '*totransfer*' yang bermaksud memindahkan. Apabila Shakespeare berkata "*Juliet is the sun,*" , beliau memindahkan kualiti Sang Suria kepada Juliet.

Seorang penyair menggunakan metafora apabila hendak sesuatu yang berdekatan atau perbandingan yang langsung bertautan antara dua perkara. Ini bukanlah sekadar penggunaan perkataan seperti, 'bagai', 'macam' atau kata pengikat yang lain.

Contohnya,

My joy is like river
Kegembiraan saya bagaikan sungai } simile

My joy is river } metafora

Kegembiraan saya sungai

Dengan demikian, metafora bukan sahaja berfungsi pada peringkat intuitif (bisikan kalbu) tetapi juga berciri logik. Bahasa kiasan melangkah masuk ke ruang imaginatif tetapi ia tidak boleh melangkah keluar dari kaitan realiti.

Dalam simile perkara dan objek yang hendak dibandingkan berdiri berasingan dan dihubungkan dengan kata hubung 'bagai'. Sebaliknya dalam metafora perkara dan objek sudah sehati dan berdiri sebagai satu perkara. Dalam metafora kita dapati kata hubung tersirat.

2.5.1 DEFINISI METAFORA DARI PERSPEKTIF BAHASA TAMIL

Menurut Rajagopalachariyar (1963), simile dan metafora mempunyai pertalian yang rapat. Dalam metafora kata hubung sebagaimana muncul dalam simile tidak kelihatan. Metafora tidak membandingkan akan sesuatu objek secara berasingan sebaliknya perkara yang dibandingkan sudah sedia wujud dalam metafora. Contoh di bawah, menjelaskan perbezaan terperinci akan metafora dengan simile.

Contoh 1: Simile

Contoh: **kjp Nghd;w Kfk;**
Bulan bagi muka (terjemahan terus)
Muka bagi bulan

Contoh 2: Metafora

Contoh: **kjp Kfk;**
Bulanmuka (terjemahan terus)
Mukabulan

Cuburetiyar (1988: 241), menyatakan bahawa sesebuah puisi dapat diindahkannya melalui penggunaan metafora. Penggunaan metafora dalam puisi akan menyampaikan mesej dengan penuh keputihan dan dapat menambahkan keindahan hati pembaca. Dengan rumusan pengertian ini, beliau menyimpulkan bahawa penggunaan metafora mempunyai peranan amat luas dalam puisi.

Mengikut beliau, naluri interinsik manusia selalu membuat bandingan pada setiap benda di depan mata mereka. Ia merupakan kejadian semulajadi. Walaupun benda wujud mempunyai perbezaan fizikal, ia mempunyai perhubungan yang rapat dari segi bentuk, rekaan dan pencirian. Perhubungan inilah yang dapat dirasai dan diungkit melalui nukilan sastera oleh penyair.

Kailasapathy (1970:52), menerangkan definisi metafora dengan membandingkannya dengan simile. Beliau menyatakan bahawa penggunaan simile akan membezakan dua benda walaupun mempunyai ciri yang sama. Tetapi metafora akan menyatakan dua benda berbeza menjadi satu benda. Beliau menambah, metafora mempunyai maksud mendalam serta lebih kompleks berbanding simile. Kailasapathy menyimpulkan bahawa, simile merupakan ukiran jiwa dan pembayang benda penyair manakala metafora lebih merupakan pembentukan perasaan dan kelahiran minda.

Melalui perbandingan di atas, Kailasapathy merumuskan bahawa simile dan metafora memainkan peranan yang berbeza dalam penyampaian maksud dan tema sesebuah puisi. Di samping memperkayakan puisi, metafora dan simile menjadi

pendorong inspirasi kepada pembaca untuk menghayati sesebuah puisi secara mendalam.

Beliau menambah, penggunaan metafora merupakan dasar dalam sesuatu puisi. Ia menjadi jiwa sebuah puisi serta dapat menerangkan sesuatu yang lebih kompleks dengan perbandingan imej yang mudah.

2.6 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Kajian keindahan bahasa luas dijalankan oleh sarjana-sarjana bahasa dan para cendekiawan. Muhammad Haji Saleh (2000) mengkaji tentang keindahan bahasa dalam kesusasteraan termasuk genre puisi. Beliau menyatakan keindahan bahasa dalam kesusasteraan bahasa merupakan unsur yang paling penting dan menjadi pengukur sesebuah karya.

Salmah Othman (1999) yang mengkaji penggunaan bahasa kiasan dalam pantun Melayu turut menekankan kepentingan keindahan bahasa dalam memperkayakan pantun Melayu. Kajian beliau tertumpu kepada penggunaan bahasa kiasan dalam pantun Melayu mengikut gambaran pemikiran masyarakatnya serta mengenalpasti bentuk bahasa kiasan dalam pantun Melayu. Beliau membincangkan tentang bentuk-bentuk bahasa kiasan dan maksud tersirat serta menilai implikasi penggunaannya terhadap kehidupan sosio-budaya masyarakat Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa masyarakat Melayu kecenderungan menggunakan pelbagai bentuk kiasan dalam pantun. Kepelbagaian bentuk tersebut digolongkan kepada kiasan asal, kiasan

berpindah, kiasan kemanusiaan, kiasan berkacau dan kiasan melampau. Bagi setiap golongan beliau memberi contoh rangkap dan baris pantun yang sememangnya memperlihatkan kepentingan keindahan bahasa yang dapat menjelaskan mesej yang ingin disampaikan. Beliau juga tidak ketinggalan membincangkan akan fungsi pantun dan nilai pemikiran Masyarakat Melayu dalam pantun. Dalam bab penutup, beliau menggariskan bahawa penggunaan bahasa kiasan dalam pantun-pantun Melayu memaparkan kebijaksanaan dan ketajaman fikiran masyarakat silam amnya dan Masyarakat Melayu khasnya.

Aisah Rahman (1996) telah mengkaji perlambangan dalam peribahasa Melayu Sarawak. Beliau telah mengumpul dan mengkaji 100 buah peribahasa Melayu Sarawak dengan memberi tumpuan kepada aspek perlambangan dalam peribahasanya. Kajian beliau merangkumi komponen-komponan dalam peribahasa seperti simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan peribahasa berirama. Hasil daripada kajian, beliau menyatakan perlambangan-perlambangan yang digunakan dalam peribahasa sangat berfungsi sebagai penyampai mesej serta mendidik masyarakat dengan cara teguran dan sindiran secara halus.

Alias bin Sidek (1999), membuat kajian tentang penglihatan orang Melayu dalam peribahasa. Untuk menentukan kebenaran kajiannya, beliau mengkaji unsur keindahan bahasa dalam pembinaan peribahasa. Dalam kajiannya, beliau membincang unsur-unsur lambang yang luas digunakan oleh pencipta peribahasa untuk memperkayakan pepatah Melayu peribahasa. Beliau mengulas keindahan bahasa yang

berunsurkan lambang memudahkan penciptanya untuk menyampaikan pelbagai falsafah, pengajaran dan gambaran ketinggian pemikiran secara halus dan berkesan.

Menurut beliau, kata-kata yang dipilih iaitu lambang dan diksi dalam peribahasa dapat mengungkap dan menjelaskan maksud yang disampaikan dengan mudah. Beliau berpendapat jika keindahan bahasa luas digunakan dalam karya sastera, ia dapat menjadikan bahasa sebagai wahana komunikasi yang berjaya dan penyerlah akal budi menjadi kenyataan.

Alias bin Sidek berpendapat lambang (tanda, simbol atau isyarat) merupakan kata-kata atau frasa yang digunakan untuk maksud lain daripada makna literasinya. Ini bermakna 'lambang' bukan sahaja digunakan untuk menunjukkan kepada sesuatu yang digambarkan malah merangkumi maksud lain yang tersirat sama ada yang menyatakan perasaan atau fikiran seseorang.

Sebagai kesimpulan, beliau berpendapat penggunaan lambang-lambang alam yang sarat dengan kehadiran kiasan turut menambahkan keindahan Bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini jelas tergambar dengan bentuk lahirnya dalam unsur-unsur asonansi dan aliterasi.

Rosnaini Adnan (1997) telah membuat kajian tentang fungsi sosiolinguistik pantun dalam Masyarakat Melayu. Beliau membuat tinjauan untuk melihat keindahan bahasa pantun dahulu dan sekarang dalam menyampaikan tema dan mesej kepada

pembaca. Dalam kajiannya, beliau menjelaskan bahawa keindahan bahasa dalam pantun Melayu tidak dapat dinafikan kerana pantun menggunakan bahasa yang indah, tepat, dan bentuknya padat. Ia dapat dipelbagaikan dan diulang tanpa menjemukan baik secara spontan mahupun dirancang. Beliau menambah, susunan kata-kata dalam pantun mengandungi ciri-ciri keindahan bahasa seperti aliterasi, asonansi, ambiguiti, anafora, kiasan, ibarat, klise, metafora, personifikasi dan simile. Beliau turut menjelaskan pantun yang mempunyai perlambangan membuatkan bahasa pantun menjadi indah.

Beliau menambah bahawa, pantun juga mempunyai ciri-ciri keindahan bahasa iaitu mempunyai rentak dan irama yang harmoni dan sedap didengar. Keadaan ini ditambah pula dengan keindahan bahasa berupa diksi. Mengikut beliau, pantun dianggap mempunyai keunikan tersendiri kerana masa dahulu penyair mencipta pantun secara spontan dan mempunyai nilai-nilai keindahan bahasa dan ciri-ciri keistimewaan tersendiri. Dapatan kajian beliau merumuskan bahawa nilai-nilai keindahan bahasa bukan sahaja memperkayakan pantun malah ia membantu menyampaikan mesej dan tema pantunnya dengan mudah kepada pembaca.

Selain daripada kajian keindahan bahasa dalam Bahasa Melayu, kajian terhadap puisi-puisi Tamil tempatan juga dilakukan sebagai latihan ilmiah. M.Thilagai(2000) telah melakukan kajian terhadap Puisi Moden (*free verse*) Tamil Malaysia dalam tahun 80-an. Kajian beliau khusus kepada retorik yang mempengaruhi penyair-penyair Tamil tempatan dalam pemilihan jenis-jenis kata dalam puisi. Beliau membicarakan bagaimana penyair-penyair memperkayakan isi-isi puisi serta keutuhan daya imaginasi

mereka melalui retoriknya. Beliau menyatakan bahawa diksi, rima, ritma dan perlambangan yang digarap oleh penyair dalam puisi mereka dapat memudahkan penyair menyampaikan mesej yang mendalam secara mudah kepada pembaca. Beliau juga menyimpulkan bahawa, unsur-unsur keindahan bahasa dalam puisi berupa pun, puitis, perbandingan luas digunakan oleh penyair dalam menjelaskan tema puisinya.

Sutha Ramakrishnan (2003) dalam latihan ilmiahnya, telah mengkaji unsur-unsur perumpamaan yang terdapat dalam karya klasik *Tirukkural*. Beliau menyatakan bahawa unsur-unsur perumpamaan yang dipilih dalam *Kural* adalah yang dikatogerikan kepada perumpamaan yang menjadi bandingan pengajaran kepada manusia. Mengikut beliau perumpamaan dan perlambangan yang terdapat dalam *kural* bukan sahaja memperkayakan *kural* tetapi juga ia menjadi faktor pendorong dalam penyampaian isi-isi yang tersirat dalam *kural* dengan tepat dan jitu.

2.7 KESIMPULAN

Pandangan dan penyimpulan dari linguis dan punulis-punulis artikel memberi satu rumusan mengenai kepentingan keindahan bahasa dalam memperkayakan sesuatu karya terutama puisi. Walaupun pandangan-pandangan yang dikemukakan para sarjana dalam pelbagai perspektif, pada hakikatnya pandangan-pandangan mereka bersetuju